

07/06/2002

Ansara yakin prestasi Bumiputera tidak terjejas

KUALA LUMPUR, Khamis - Peruntukan kuota 10 peratus pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) tidak akan menjejaskan dan mengancam kedudukan pelajar Bumiputera sedia ada.

Sebaliknya, langkah itu akan menjadi pendorong kepada pelajar Bumiputera terus cemerlang dalam bidang pendidikan seperti yang dicapai sekarang.

Presiden Persatuan Bekas Pelajar MRSM (Ansara), Mukhriz Mahathir, berkata isu peruntukan kuota itu tidak seharusnya diperbesar-besarkan kerana kemasukan pelajar bukan Bumiputera memberi banyak manfaat, termasuk sebagai persediaan memasuki pasaran kerja yang merangkumi berbilang kaum.

Beliau berkata, langkah itu juga secara tidak langsung mampu memupuk integrasi nasional sejak peringkat sekolah.

"Saya juga tidak fikir kemasukan pelajar bukan Bumiputera akan menjejaskan keistimewaan orang Melayu. Tujuan penubuhan MRSM, pada 1972 lalu sudah jelas untuk memberikan pendidikan cemerlang kepada anak Melayu, termasuk dari luar bandar dan kawasan termiskin.

"Oleh itu, pendirian Ansara tetap menyokong keputusan kerajaan berkaitan peruntukan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Presiden Ansara, Abdul Mutalib Alias dan Setiausaha Agungnya, Mohd Roslan Bani Amin.

Pada sidang akhbar itu, Mukhriz menafikan pembabitan Ansara yang menentangkan kuota 10 peratus kemasukan bukan Bumiputera ke MRSM.

Semalam, sebuah akhbar melaporkan 26 pertubuhan yang mewakili kepentingan orang Melayu meminta kerajaan menangguhkan keputusan peruntukan kuota itu. Laporan itu juga menyatakan Ansara sebagai antara pertubuhan yang menggesa kerajaan menangguhkan keputusan itu.

Mukhriz berkata, kemasukan pelajar bukan Bumiputera sudah diamalkan sejak 1970-an dan setakat ini tiada masalah timbul, sebaliknya memberikan persaingan sihat dalam pelajaran.

Malah, katanya, pelajar Melayu tidak merasa mereka perlu dilindungi apabila pelajar bukan Bumiputera memasuki MRSM.

"Ketika saya di MRSM, ada tiga pelajar bukan Bumiputera dan boleh menjadi teman rapat," katanya.

Beliau berkata, peruntukan kuota itu juga tidak menjejaskan jumlah kemasukan pelajar Bumiputera.

"Berdasarkan pemerhatian, pelajar lepasan MRSM ternyata cemerlang dan ada yang menjadi orang ternama di negara ini dalam bidang masing-masing," katanya sambil menambah, ada kira-kira 42,000 lepasan MRSM sejak penubuhannya.

Beliau berharap penjelasan itu akan menghilangkan sebarang kekeliruan pelbagai pihak mengenai peruntukan kuota itu.

"Saya tidak nampak perkara yang buruk dengan pelaksanaan peruntukan itu dan jika tidak nampak masalah... apa salahnya kita mencuba," katanya.

Beliau berkata, isu yang seharusnya dibangkitkan adalah penambahan MRSM di seluruh negara supaya lebih ramai anak Melayu mendapat pendidikan cemerlang pada masa depan.

(END)